

MODEL HIBRID BAHARU OLEH STÖVER (2010): SATU MEKANISME PENGINTERPRETASIAN METAFORA YANG BERMODULAR

(*A New Hybrid Model by Stöver (2010): A Modular Mechanism of Metaphor Interpretation*)

Nor Hafuza Muhammad Arif¹   
hafuza.arif@gmail.com

Hasmidar Hassan²   
hasmidar.hassan@ubd.edu.bn

Maizura Osman³   
mai.zura@um.edu.my

Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1 & 3}

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei.²

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nor Hafuza Muhammad Arif, Hasmidar Hassan & Maizura Osman. (2024). Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010): Satu mekanisme penginterpretasian metafora yang bermodular. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 141–168.
[https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no6)

Peroleh:	28/2/2024	Semakan:	15/4/2024	Terima:	16/5/2024	Terbit dalam talian:	20/6/2024
Received:		Revised		Accepted:		Published online:	

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Perkembangan kajian yang berkaitan dengan metafora memperlihatkan penerokaan pelbagai aspek, termasuklah kajian tentang prosedur penginterpretasian metafora. Kajian sebegini menumpukan kaedah

yang dapat digunakan oleh pengkaji untuk mencungkil maksud tersirat. Hasilnya, muncul pelbagai prosedur penginterpretasian metafora yang digagaskan oleh sarjana dengan ciri dan kaedah yang tersendiri. Oleh itu, objektif makalah ini adalah untuk menghuraikan dan memperincikan kerangka Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010) dengan menumpukan pengoperasian Model Proses Tiga Serangkai sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora yang bercirikan inklusif dan bermodular. Sungguhpun terdapat kajian lepas yang mengaplikasikan Model Hibrid Baharu yang melibatkan ketiga-tiga proses dalam Model Proses Tiga Serangkai, proses penginterpretasian makna metafora itu dilihat tidak menepati gagasan idea yang dikemukakan oleh Stöver (2010). Menyedari kepentingan mempolemikkan isu ini, makalah ini mengambil tanggungjawab untuk membincangkan prosedur penginterpretasian metafora berdasarkan Model Hibrid Baharu dengan memfokuskan pengoperasian Model Proses Tiga Serangkai yang melibatkan peringkat demi peringkat. Oleh itu, ungkapan metafora “api” yang dijana daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dimanfaatkan sebagai bahan kajian. Ternyata, perbincangan tentang Model Hibrid Baharu adalah signifikan bagi memastikan kesahan maklumat daripada sumber primer dapat dipelihara dan menyebarluaskan ilmu yang berkaitan dengan bidang linguistik kognitif dan pragmatik. Makalah ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan oleh pengkaji akan datang untuk menginterpretasikan maksud metafora kerana pelbagai input yang memanifestasikan keunggulan pemikiran Melayu dapat diserlahkan secara empiris.

Kata Kunci: Kognitif, metafora api, Model Hibrid Baharu, pemikiran Melayu, prosedur penginterpretasian, Hanna Stöver

Abstract

The development of studies related to metaphor has shown various aspects that have been explored, including studies on the procedure of interpreting metaphor. Such studies focus on methods used by researchers to uncover implicit meanings. As a result, various procedures of interpreting metaphor have emerged, proposed by scholars with their own characteristics and methods. Therefore, the objective of this paper is to elaborate and detail the framework of the New Hybrid Model by Stöver (2010), with a focus on the operation of the Triple Processing Model as a mechanism for interpreting metaphor characterized by inclusivity and modularity. Although there are previous studies that have applied the New Hybrid Model,

involving all three processes in the Triple Processing Model, the process of interpreting the meaning of metaphor appears to not conform to the ideas presented by Stöver (2010). Recognizing the importance of this polemic issue, this paper takes responsibility for discussing the procedure of interpreting metaphor based on the New Hybrid Model by focusing on the step-by-step operation of the Triple Processing Model. Thus, expressions of "fire" metaphor generated from the Dewan Bahasa dan Pustaka Corpus are utilized as study material. It turns out that the discussion of the New Hybrid Model is significant in order to ensure that the validity of information from primary sources can be preserved and knowledge related to the fields of cognitive linguistics and pragmatics can be further disseminated. This paper is also hoped to serve as a guide for future researchers to interpret the meaning of metaphor because various inputs manifesting the excellence of Malay thinking can be empirically highlighted.

Keywords: Cognitive, fire metaphor, New Hybrid Model, Malay thinking, interpretation procedure, Hanna Stöver

PENDAHULUAN

Pengguna bahasa bebas mengekspresikan emosi, menyatakan pandangan dan mengkritik sesuatu perkara secara tersurat atau tersirat. Dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu yang mementingkan budi bahasa, penyampaian sesuatu maksud secara tersirat lebih cenderung digunakan oleh penutur dalam keadaan tertentu kerana lakukan bahasa itu lebih berhemah (Asmah Haji Omar, 2021; Hassan Ahmad, 2016; Nor Hashimah Jalaluddin, 2014; Tenas Effendy, 2008). Lazimnya, alam keliling dijadikan sumber utama cerapan manusia untuk membina ungkapan metafora bagi menyatakan pelbagai maksud dan tujuan yang khusus. Metafora ini dikatakan sebagai suatu gambaran kebolehan kreatif yang dimiliki oleh penutur atau pengguna bahasa secara sejagat disebabkan oleh kebijaksanaan penutur bahasa ketika memilih dan menggunakan simbol daripada alam sekitar (Hassan Ahmad, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana unsur daripada domain sumber yang sama digunakan dalam pelbagai bahasa untuk membentuk makna metafora dalam domain Sasaran yang sama. Contohnya, metafora "marah seperti api panas".

Metafora bukanlah sekadar bunga-bunga bahasa atau disifatkan sebagai penyelewengan daripada bahasa harfiah (Aristotle, 1992), sebaliknya mempunyai fungsi kognitif yang jelas. Kövecses (2002) pula

menjelaskan bahawa metafora ialah ciri sesuatu konsep, bukan hanya kata. Tujuannya adalah untuk memahami konsep tertentu dengan lebih baik, bukan sekadar untuk mencapai artistik atau estetik. Oleh itu, ungkapan metafora itu wajar difahami secara sistematik berbantuan prosedur penginterpretasian yang jelas. Kepentingan penginterpretasian makna metafora ini turut disokong oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang menyatakan bahawa ungkapan metafora memerlukan pentafsiran yang mendalam bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur.

Oleh sebab metafora merupakan bentuk bahasa yang unik dan mendukung maksud tersirat, serta perlu dicungkil dengan sebaik-baiknya, makalah ini memanfaatkan Model Hibrid Baharu (MHB) oleh Stöver (2010) yang berasaskan Teori Hibrid (TH) oleh Tendahl (2009) untuk memperlihatkan kewibawaannya sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora oleh pengguna bahasa Melayu. Ringkasnya, MHB menggabungkan dua pendekatan dalam disiplin ilmu linguistik, iaitu pendekatan linguistik kognitif dan pragmatik. Keperluan penggabungan dua pendekatan ini telah dibincangkan oleh pengkaji lepas, seperti Kempson (1977), Sperber dan Wilson (1986), Tendahl (2008), serta Tendahl dan Gibbs (2008), sehinggalah munculnya TH yang dicetuskan oleh Tendahl (2009). Hasilnya, kerangka asas MHB mengambil kelebihan daripada setiap pendekatan untuk diintegrasikan agar menjadi satu prosedur penginterpretasian metafora.

KAJIAN LEPAS

Kekuatan TH atau MHB sebagai satu prosedur penginterpretasian metafora telah disambut baik oleh kebanyakan pengkaji dalam bidang linguistik. Antara sarjana tempatan terawal yang menerapkan TH atau MHB dalam kajian analisis makna termasuklah Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal (2009). Pengkaji tersebut mendapati bahawa leksikal “setia” diinterpretasikan pada peringkat leksikal dan menemukan perubahan makna leksikal, iaitu lima makna pinggiran bagi nilai setia, sedangkan TH seharusnya digunakan untuk menginterpretasikan ujaran yang bersifat metaforikal. Ternyata, kerangka Teori Prototaip dan pendekatan Semantik Kognitif lebih menonjol dalam kajian ini.

Seterusnya, menerusi kajian Muhamad Fadzllah Zaini (2016), Noor Nazirah Jaafar (2016), Nur Faizzah Mohd Zalkanil (2016), Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013, 2014), Rozaimah

Rashidin (2016) dan Rozaimah Rashidin et al. (2023), satu corak yang sama tentang kaedah analisis ungkapan metafora dapat dikenal pasti. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam kajian pengkaji tersebut, kaedah penginterpretasian makna metafora yang melibatkan gagasan idea Tendahl (2009), iaitu TH, dan Stöver (2010), iaitu MHB, telah digabungkan. Penggabungan ini menyebabkan perbezaan gagasan antara dua sarjana ini tidak dapat diperlihatkan dengan jelasnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa idea utama dalam TH dan MHB ialah satu teori yang menggabungkan dua bidang ilmu, iaitu linguistik kognitif dan pragmatik untuk menginterpretasikan maksud metafora. Namun begitu, perlu dijelaskan bahawa ada garis pemisah antara TH dengan MHB kerana MHB lahir daripada kelompangan yang dikenal pasti dengan jelasnya daripada idea yang dikemukakan oleh Tendahl (2009) dalam TH. Dalam MHB, Stöver (2010) mencadangkan Model Proses Tiga Serangkai (MPTS) sebagai prosedur yang dapat diaplikasikan oleh pengkaji bahasa untuk menginterpretasikan maksud metafora. Oleh itu, dalam konteks makalah ini, perincian yang mendalam diberikan terhadap pengoperasian MPTS yang bersusurgalurkan MHB untuk dikupas secara ilmiah bagi menonjolkan kekuatannya sebagai satu prosedur penginterpretasian yang inklusif dan bermodular (setiap proses mendukung peranan yang tertentu).

Kajian yang dilakukan oleh Anida Sarudin dan Parameswary Shanmugam (2023) pula menekankan penjelasan pengoperasian TH berdasarkan kerangka Tendahl (2009) untuk mendapatkan konsepsi nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Pengkaji tersebut mendapat bahawa konsepsi nilai kerajinan dalam kedua-dua bahasa itu memfokuskan usaha dan kegigihan, serta wujudnya persamaan dan perbezaan dari segi falsafah peribahasa kerana dipengaruhi oleh amalan kehidupan masyarakat Melayu dan India. Pengoperasian TH dalam kajian ini adalah jelas kerana berteraskan satu gagasan yang dimanfaatkan secara keseluruhan. Bagi pengkaji luar negara pula, contohnya Minikeeva et al. (2020), pengkaji ini sekadar memberikan ulasan kritis tentang gagasan MHB. Pengkaji tersebut menjelaskan fungsi MHB sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora, tetapi tiada analisis terhadap data metafora yang ditunjukkan oleh pengkaji ini bagi menguji pengoperasian MHB. Oleh hal yang demikian, apabila menyedari kelompangan yang jelas dari segi pengoperasian MHB mengikut gagasan Stöver (2010) dan kurangnya pengaplikasian

teori ini oleh pengkaji lepas untuk dijadikan sebagai mekanisme penginterpretasian metafora, makalah ini mengkhususkan perbincangan gagasan MHB, berserta huraian proses yang dicadangkan oleh sumber primer bagi menganalisis data bermetafora.

METODOLOGI

Kajian ini berteraskan kajian kualitatif dan data metafora **api** yang dijana daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Eisner (1991) menyatakan bahawa lazimnya, kajian kualitatif berbentuk deskriptif, iaitu bahasa ekspresif digunakan dan suara subjek dalam bentuk teks dipaparkan. Dalam kajian ini, data korpus dimanfaatkan kerana datanya yang bersifat autentik membolehkan pengkaji bahasa mengemukakan rumusan yang bersifat objektif, bukannya rumusan yang bersifat subjektif atau yang berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa (Hasmidar Hassan, 2023). Oleh hal yang demikian, data metafora **api** dipilih untuk dijadikan sebagai data kajian bagi memahamkan khalayak pembaca tentang proses yang berlaku dalam MPTS.


Bagi menentukan ungkapan yang dianalisis benar-benar ungkapan metafora **api**, leksikal yang berkolokasi dan berasosiasi dengan unsur api atau bersumberkan sifat api dikenal pasti daripada Korpus DBP. Selain itu, strategi yang dicadangkan oleh Stefanowitsch (2006) untuk mengekstrak metafora daripada korpus turut diaplakisikan, iaitu mencari leksikal atau hal yang berkaitan dengan domain sumber. Hal ini bertujuan untuk membentuk satu gugusan api bagi memudahkan proses penjanaan leksikal itu. Hasilnya, satu gugusan api telah dapat dibentuk yang terdiri daripada leksikal **bara, nyala, marak, panas, bahang, bakar** dan **julang**. Langkah berikutnya ialah penelitian penggunaan leksikal dalam gugusan api itu, sama ada penggunaan leksikal dalam konteks yang tertentu itu mengimplikasikan makna sebenar leksikal atau berbeza sepenuhnya daripada makna asal. Langkah ini dilakukan bagi mengesahkan secara berpada bahawa ungkapan tersebut merupakan metafora **api**. Apabila ungkapan metafora **api** telah dapat dikenal pasti daripada Korpus DBP, ungkapan metafora **api** yang dapat dipertanggungjawabkan dan bersifat representatif dipilih untuk dianalisis menggunakan MPTS bagi menjelaskan proses penginterpretasian yang dicadangkan oleh Stöver (2010) sebagaimana objektif yang ditetapkan dalam makalah ini.

Model Hibrid Baharu sebagai Mekanisme Penginterpretasian Metafora yang Bermodular

Perkembangan TH dan MHB bermula daripada usaha Tendahl (2008) yang mengetengahkan isu yang berkaitan dengan kekurangan dari aspek penginterpretasian maksud metafora. Lanjutan daripada perbincangan secara kritis itu, pada tahun 2009, muncul teori yang dikenali sebagai Teori Hibrid gagasan Markus Tendahl. Teori ini menggabungkan pendekatan linguistik kognitif dan pragmatik (Teori Relevans) untuk membentuk satu mekanisme penginterpretasian metafora. Gabungan dua disiplin ilmu yang diketengahkan dalam TH untuk menginterpretasikan maksud implisit menggambarkan perkembangan yang positif dalam bidang keilmuan kerana adanya elemen penambahbaikan dari sudut pemahaman terhadap makna implisit. Hasmidar Hassan (2006) berpendapat bahawa pendekatan linguistik kognitif kurang menekankan logik akal atau pemikiran rasional dan tafsirannya pula cenderung untuk memberikan makna yang harfiah.

Keperluan penggabungan ini turut dibahaskan oleh Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal (2009), iaitu linguistik kognitif melihat bidang pragmatik sebagai disiplin ilmu yang dapat membantu bidang semantik kognitif untuk memacu analisis pemaknaan makna supaya menjadi lebih empirikal. Oleh itu, pertimbangan pragmatik yang lebih menekankan maklumat konteks wajar disepadukan bersama-sama. Kesignifikanan penggabungan kedua-dua pendekatan ini ditekankan oleh Tendahl (2008:189–193), iaitu tidak ada penjelasan langkah demi langkah tentang cara metafora konseptual berperanan bagi menunjukkan perkara yang wujud ketika proses mendengar kata, sama ada dengan cara mengakses metafora konseptual yang sepadan atau dengan cara kriteria pemilihan metafora konseptual. Dalam hal ini, kelebihan Teori Relevans dilihat dapat memenuhi aspek pemprosesan yang tidak dijelaskan oleh linguistik kognitif. Oleh itu, bagi menjelaskan gabungan dua disiplin ilmu ini, Rajah 1 menunjukkan idea yang dimanfaatkan daripada kedua-dua pendekatan untuk diintegrasikan menjadi TH dan MHB.


Stöver (2010) telah menambah baik TH yang dikemukakan oleh Tendahl (2009). Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat kelompongan yang dikenal pasti menerusi kerangka rantau konseptual yang dicadangkannya. Secara terperincinya, Tendahl (2009) tidak dapat menonjolkan perkaitan yang jelas tentang gabungan dua disiplin ilmu tersebut disebabkan oleh konsep leksikal, konsep *ad hoc*, domain, skema



Rajah 1 Kelebihan yang dimanfaatkan daripada setiap pendekatan.


imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual seolah-olah dipetakan sahaja untuk mengisi slot kosong bagi menghasilkan andaian implikatur. Dengan erti kata lain, tiada huraian yang jelas dan sistematik tentang proses yang terlibat untuk mencungkil maksud metafora. Oleh itu, Stöver (2010) mengetengahkan alternatif baharu untuk mengisi kelompongan ini dengan memperkenalkan MPTS bagi menjelaskan perkaitan antara dua perspektif utama ini, iaitu metafora dalam pemikiran dari perspektif linguistik kognitif dan metafora dalam bahasa dari perspektif pragmatik. Gagasan

yang dibawa oleh Stöver (2010) untuk menginterpretasikan maksud metafora ini kemudiannya dikenali sebagai MHB. Setelah diperincikan lagi, terdapat perbezaan aspek yang dimanfaatkan dalam pendekatan linguistik kognitif antara Tendahl (2009) dengan Stöver (2010) seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 2.




Rajah 2 Perbezaan aspek yang dimanfaatkan dalam pendekatan linguistik kognitif.

Model yang bersifat hierarki ini memperincikan proses yang terlibat untuk memahami maksud metafora dari satu peringkat ke peringkat berikutnya dengan melibatkan proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses pentaabiran (inferens). Proses yang dicadangkan ini merupakan gambaran perkembangan pemikiran manusia ketika memproses maklumat. Selain itu, penerapan MPTS membolehkan maksud tersirat, skema imej, pemetaan domain dan metafora konseptual diperoleh dengan jelasnya dan bersistematis. Model Proses Tiga Serangkai yang dibincangkan inilah yang membezakan antara MHB yang dikemukakan oleh Stöver (2010) dengan TH yang dikemukakan oleh Tendahl (2009). Oleh hal yang demikian, perihal yang berlaku bagi setiap proses dalam MPTS mengikut gagasan Stöver (2010) bermula daripada proses simulasi, proses metarepresentasi sehingga mencapai maksud proposisi pada proses pentaabiran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Adaptasi dan ringkasan Model Proses Tiga Serangkai.

Oleh hal yang demikian, kekuatan MHB melalui pengaplikasian MPTS ini tidak harus diketepikan, sebaliknya dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora kerana teori yang diletakkan di bawah bidang Pragmatik Kognitif membawa gagasan bahawa sesuatu proses dalaman kognisi seharusnya melibatkan dua proses yang besar, iaitu proses pemetaan dua domain dan proses menghasilkan kesimpulan secara pragmatik (Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal, 2009). Gabungan ini menghasilkan pemahaman yang lebih mantap berkenaan makna sesuatu kata, terutamanya pemahaman makna kata yang bersifat kreatif dan figuratif, seperti metafora. Dengan memfokuskan penerapan MPTS yang bersusurgalurkan MHB untuk menganalisis sesuatu data bermetafora, pelbagai input tambahan dapat diperoleh seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4 Hasil pengaplikasian Model Proses Tiga Serangkai.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Setelah kerangka teori yang dicadangkan oleh Stöver (2010) yang berkaitan dengan gagasan MHB diuraikan secara terperinci, analisis secara komprehensif dan empiris dengan memanfaatkan data berunsurkan metafora wajar dijalankan. Kewibawaan MHB yang mengetengahkan MPTS ini harus diuji kerana diyakini bahawa penjelasan tentang proses penganalisisan data metafora ini dapat meningkatkan kefahaman pembaca, khususnya pengkaji bahasa yang berkaitan dengan pengoperasian MPTS. Oleh hal yang demikian, satu data metafora **api** yang dijana daripada Korpus DBP dianalisis dengan menggunakan MPTS bagi mencungkil maksud yang diimplikasikan oleh ungkapan bermetafora itu.

Secara keseluruhannya, bahagian ini memaparkan analisis dan dapatan yang akan dibincangkan yang merangkumi pembuktian data sebagai ungkapan bermetafora, perbincangan lanjut tentang penggunaan simbol **api** yang bersifat ostensif. Perbincangan lanjut tentang pemilihan leksikal yang bersifat ostentif dan analisis dapatan utama.

Dari sudut struktur atau bentuk penganalisisan data ini, dapat diperhatikan bahawa terdapat dua kategori dapatan yang diperincikan, iaitu dapatan utama dan dapatan tambahan. Dapatan utama merupakan dapatan yang menjadi asas dalam gagasan MHB yang menjurus pada pendekatan semantik kognitif, manakala dapatan tambahan pula dapat difahami sebagai aspek tambahan yang dapat ditonjolkan setelah sesuatu ungkapan metafora itu dapat diinterpretasikan dengan menggunakan MPTS. Oleh itu,uraian secara terperinci tentang proses yang terlibat untuk menginterpretasikan ungkapan metafora **api** akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Dalam konteks analisis ini, petikan ayat daripada Korpus DBP (2002) digunakan untuk analisis dan perbincangan seperti yang berikut:

Segala-galanya bermula dan bergerak atas keikhlasan
*****mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni***** yang kerdil di dalam alam industri teater.

Gambaran keseluruhan proses yang berlaku bagi mencungkil maksud implisit bagi data ini dan dapatan yang diperoleh ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5 Ringkasan analisis dan dapatan.

Pembuktian Data sebagai Ungkapan Bermetafora

Bahagian ayat yang dikenal pasti sebagai ungkapan bermetafora ialah **mengalirnya api seni** dan **ghairah membakar jiwa anak-anak seni**. Dapat diperhatikan bahawa leksikal **mengalir** berkolokasi dengan leksikal **api**, manakala leksikal **api** pula berkolokasi dengan leksikal **seni**. Dalam hal ini, perlu difahami bahawa leksikal **mengalir** menunjukkan pergerakan yang lazimnya melibatkan unsur cecair atau tenaga elektrik. Penggunaan kata **mengalir** dalam struktur ayat ini ternyata kabur kerana jika penulis ingin mengetengahkan konsep pergerakan, penulis seharusnya memilih leksikal **merebak** untuk berkolokasi dengan leksikal **api**, bukannya leksikal **mengalir**. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal **merebak** lebih lazim berkolokasi dengan leksikal **api**. Contohnya, “Dalam beberapa ketika sahaja api itu **merebak** sampai ke mana-mana.” (*Kamus Dewan*, 2005:1299).

Perkara kedua yang mendarangkan kecaburan makna ialah hubungan antara leksikal **api** dengan leksikal **seni**. Api merupakan nyalaan daripada sesuatu yang dibakar, manakala seni pula merupakan sesuatu yang halus, kecil dan elok (*Kamus Dewan*, 2005). Kolokasi antara kedua-dua leksikal tersebut mempunyai dua konteks yang ternyata berbeza dan tidak mempunyai kaitan jika difahami secara literal. Oleh itu, berdasarkan hubungan antara leksikal yang janggal ini, timbul persoalan tentang kemungkinan bahawa penulis ingin menyatakan seni yang halus, kecil dan elok itu ialah api yang boleh mengeluarkan cahaya dan membakar. Atas sebab ketaksaan ini, ungkapan **mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** dapat dikelaskan sebagai ungkapan bermetafora. Oleh hal yang demikian, proses penginterpretasian makna metafora dilakukan dengan menerapkan MPTS untuk mendapatkan maksud yang berasosiasi dengan ungkapan ini. Stöver (2010:2) mengetengahkan pandangan yang dikemukakan oleh Barsalou (1999) untuk memahami makna metafora, iaitu dengan cara melakukan proses simulasi bagi mendapatkan representasi pengalaman imej yang melibatkan corak simulasi mental. Oleh hal yang demikian, perbincangan yang sistematis dan bermodular ini dimulakan dengan melakukan proses simulasi.

Proses Simulasi

Proses simulasi merupakan proses asas yang sangat penting untuk memahami maksud sesuatu metafora. Menurut Stöver (2010), proses

simulasi mental berlaku secara serentak pada peringkat representasi pengalaman imej. Pada peringkat simulasi, pembaca melakukan proses membayangkan maksud ungkapan bermetafora itu secara literal, iaitu ungkapan **mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** dibayangkan kejadian dan keadaannya. Proses ini memerlukan pembaca memanfaatkan segala maklumat imej yang dimilikinya tentang keadaan **mengalir**, sifat **api** dan **seni**. Seperti yang dibincangkan dalam perenggan sebelum ini, keadaan dan ciri asas **mengalir** melibatkan pergerakan cecair atau arus elektrik daripada satu kawasan ke kawasan yang lain (*Kamus Dewan*, 2005). Leksikal **api** pula sifatnya panas, berbahang, boleh membakar dan mempunyai darjah kekuatan yang berbeza-beza (Kesedaran bahaya kebakaran, 2021). Berikutnya, leksikal **seni** melibatkan hal halus yang dimiliki oleh seseorang individu, seperti seni melukis, seni mendeklamasi puisi, seni memasak atau seni lakonan (*Kamus Dewan*, 2005). Dengan erti kata lain, seni dapat dianggap sebagai bakat yang dianugerahkan Tuhan kepada individu tertentu. Andaian literal yang berkisarkan ungkapan **mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** adalah seperti yang berikut:

Aliran api seni yang bergerak itu membakar jiwa anak-anak seni dengan ghairahnya.

Ternyata, maksudnya masih sangat kabur dan tidak mengimplikasikan maksud tersirat bagi ungkapan bermetafora tersebut. Jika andaian ini dijadikan sebagai perwakilan proposisi, sudah pasti maksudnya menjadi tidak tepat kerana maknanya literal sahaja. Oleh itu, Stöver (2010) menegaskan bahawa proses simulasi sangat berpotensi untuk disalahtafsirkan kerana fahamannya bersifat selapis dengan hanya memanfaatkan pengalaman imagistik pembaca. Selepas proses simulasi, analisis diteruskan dengan proses metarepresentasi.

Proses Metarepresentasi

Dalam proses ini, maklumat yang diperoleh pada peringkat simulasi diteliti lagi dan maklumat yang berkaitan dengan ungkapan bermetafora itu perlu dikembangkan lagi bagi memastikan maklumat tersebut lebih relevan untuk dijadikan sebagai perwakilan proposisi. Pada peringkat ini, saringan maklumat dilakukan semula bagi mendapatkan kesahannya.

Proses pengembangan maklumat dilakukan dengan meneliti andaian yang dihasilkan pada peringkat simulasi, iaitu **aliran api seni yang bergerak itu membakar jiwa anak-anak seni dengan ghairah**. Dalam hal ini, dua keadaan penting diperlihatkan oleh penulis. Pertama, penulis menyatakan bahawa seni itu mengalir di dalam tubuh anak-anak seni. Kedua, seni yang mengalir dalam bentuk api itu membakar jiwa anak-anak seni. Dapat dikatakan bahawa kedua-dua keadaan yang digambarkan oleh penulis ini merupakan suatu lambang yang sarat dengan maksud tersirat.

Penelitian ini mendapati bahawa wujud kaitan secara logik antara setiap lambang yang digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal **api** yang bersifat dinamik, iaitu dapat bergerak dengan cara merebak digandingkan dengan leksikal **seni** yang juga dapat diwariskan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya (interpretasi dihasilkan dengan memanfaatkan pengalaman imagistik dan pengalaman badaniah). Penulis juga menggunakan lambang **api** kerana adanya hubung kait dengan maklumat berikutnya dalam data tersebut, iaitu **membakar jiwa anak-anak seni**. Namun begitu, maksud yang jelas masih tidak diperoleh kerana proses penginterpretasian ini memerlukan sokongan maklumat konteks. Oleh itu, analisis diteruskan dalam proses pentaabiran.

Proses Pentaabiran

Proses pentaabiran perlu dilakukan bagi memastikan maksud implisitnya dapat dicungkil, sekali gus membolehkan kandungan yang bersifat konseptual dapat ditonjolkan secara jelas. Menurut Fenle seperti yang dinyatakan dalam Hassan Ahmad (2016:104), jika sesuatu ungkapan hendak dianggap sebagai ungkapan konseptual, ungkapan itu hendaklah mengandungi ciri makna kandungan konseptual primer (*primary conceptual content*) yang isinya bersifat intelektual. Dalam hal ini, Hassan Ahmad (2016:104–105) menjelaskan bahawa dalam bahasa Melayu, terdapat istilah yang lebih luas maknanya daripada sekadar makna intelektual, iaitu akal budi atau kehalusan akal yang menandakan pandangan orang Melayu tentang keeratan hubungan antara bahasa dengan budaya atau adab Melayu. Menerusi analisis berorientasikan MHB, aspek akal budi orang Melayu dapat ditonjolkan secara empiris.

Oleh hal yang demikian, proses ketiga, iaitu mencungkil maksud metafora, dilakukan melalui proses inferens. Pada peringkat ini,

maklumat konteks perlu disesuaikan dengan sebaik-baik mungkin. Oleh itu, proses penginterpretasian diteruskan dengan pengaplikasian konsep *ad hoc*, iaitu *ad hoc* peluasan. Menurut Carston (2002), konsep *ad hoc* merujuk konsep yang dikembangkan secara pragmatik oleh pendengar ketika proses memahami ujaran. Hal ini bermakna, pembaca melakukan proses penyenaraian inferens yang difikirkan mempunyai kaitan dengan ungkapan bermetafora **mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** bagi mendapatkan kesimpulan implikatur yang paling relevan. Senarai inferens yang berkaitan adalah seperti yang berikut:

1. Api seni yang mengalir dalam tubuh anak-anak seni membakar jiwa mereka.
2. Api seni yang diwariskan kepada anak-anak seni membakar jiwa mereka.
3. Kekuatan api seni yang diwariskan kepada anak-anak seni membakar jiwa mereka.
4. Seni yang mempunyai kekuatan itu diwariskan kepada anak-anak seni memberikan semangat kepada mereka.*

Dengan berdasarkan pengaplikasian konsep *ad hoc* peluasan ini, inferens keempat dipilih sebagai kesimpulan implikatur kerana inferens tersebut dapat mewakili maksud yang ingin disampaikan oleh penulis melalui ungkapan bermetafora. Oleh itu, maksud yang dapat dicungkil melalui penerapan MPTS ialah **penggiat seni teater yang lebih berpengalaman mewariskan ilmu kesenian berteater yang mempunyai kekuatan itu kepada anak-anak seni yang masih baharu dalam industri. Ilmu teater yang diwariskan itu pula telah memberikan semangat kepada mereka untuk terus berteater.**

Kesimpulan implikatur yang diperoleh ini semestinya didasari oleh maklumat konteks sebelum dan selepasnya. Levinson (1985) menekankan bahawa maklumat konteks sangat penting kerana konteks dapat membantu mengurangkan kecaburan, meningkatkan pemahaman dan meningkatkan ketepatan terhadap interpretasi yang dilakukan. Malah, struktur dalaman cuba difahami dengan semaksimum mungkin bagi menjana corak inferens yang lebih tepat dan relevan (Johnson, 1987:127).

Perbincangan Lanjut tentang Penggunaan Simbol "Api" yang Bersifat Ostensif

Data ini sangat menarik untuk dibincangkan secara komprehensif kerana adanya penggunaan simbol yang bersifat ostensif (jelas dan menonjol). Menurut Hashim Awang (1998), simbol ialah penjenisan lambang yang merujuk objek asal dengan satu kawalan peraturan yang khusus. Biasanya, simbol dikongsi bersama-sama dengan idea umum yang menjelaskan simbol tersebut. Dalam data ini, penulis menggunakan simbol **api** bagi menyatakan kekuatan yang dimiliki oleh seni. Dengan berdasarkan pengalaman badaniah, api mempunyai darjah kekuatan yang berbeza-beza, seperti **membara**, **menyala**, **menyala-nyala** dan **marak**, serta dapat **membakar**. Sekiranya api berada dalam darjah kepanasan yang tinggi sehingga mengakibatkan kebakaran, kesan yang besar dapat berlaku, seperti kemusnahan atau kematian. Pengalaman badaniah berkaitan dengan kekuatan api inilah yang disimpan dalam kognitif manusia yang menyebabkan penulis meyakini bahawa api yang dikonsepsikan sebagai kekuatan itu dapat meningkatkan kesan ekspresi dan afektif pembaca terhadap seni. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2004:263–264), iaitu ungkapan yang menggunakan konteks setempat dapat membantu pendengar membentuk kesan konteks kerana objek yang digunakan memang merupakan objek yang dikenali. Oleh itu, apabila adanya simbol **api** di hadapan leksikal **seni**, hal ini memberikan gambaran tentang seni yang berapi dalam kognitif pembaca sebagai satu simbol kekuatan seni itu. Interpretasi yang dihasilkan ini bukanlah wewenang kerana menurut Soenjono (2007:77), manusia dapat memahami sesuatu ujaran kerana dapat mengenali kata yang didengar secara intuisi yang sebenarnya berdasarkan pengetahuan yang dimiliki tentang bahasa dan budayanya. Kekuatan itu dikonsepsikan daripada darjah kepanasan yang ada pada api. Penyataan ini dapat diuji dengan menggugurkan leksikal **api** dalam ayat tersebut.

- a) ...mengalirnya **api** seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni
 - ↓
 - 
- b) ...mengalirnya seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni

Apabila leksikal **api** digugurkan, kesan afektif terhadap ayat tersebut berkurang dan hubung kait konteks yang diwujudkan oleh penulis melalui simbol **api** dan **membakar** dalam frasa tersebut terkekang. Hal ini dikatakan demikian kerana dari sudut sintagmatik, gandingan antara simbol **api** dengan leksikal **membakar** sangat berkait rapat dan amat jelas kerana sifat api itu sendiri yang dapat membakar. Dalam konteks data ini, penulis ingin menyatakan bahawa api seni yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri itu berjaya memberikan semangat kepada anak-anak seni yang baru berkarya. Konsep **membakar jiwa** merujuk makna memberikan semangat kerana semangat itu merupakan emosi yang lahir daripada jiwa. Menurut Imran Ho-Abdullah dan Norsimah Mat Awal (2005), orang Melayu menjadikan jiwa sebagai tempat simpanan segala emosi sebagaimana hati dan jantung. Ternyata, faktor budaya perlu dititikberatkan ketika menginterpretasikan maksud metafora kerana kebanyakan lambang atau simbol yang dipilih itu lahir secara semula jadi, serta bersandarkan kehidupan dan kebudayaan setempat. Hal ini dibincangkan oleh Gibbs (1999) yang berpendapat bahawa metafora yang berbangkit/terkandung bukan sahaja lahir daripada badan dan direpresentasikan dalam minda individu, malah berbangkit daripada interaksi badaniah yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh budaya.

Oleh hal yang demikian, analisis data ini menunjukkan bahawa penulis berusaha semaksimum mungkin untuk meminimumkan usaha memproses oleh pembaca dengan menggunakan simbol ostensif yang diyakini dapat difahami oleh khalayak pembacanya yang akhirnya dapat mencapai relevan yang optimum. Pemilihan simbol yang jelas dan menonjol ini sangat penting sebagai cara untuk memastikan mesej tersirat tersebut dapat difahami dengan baiknya oleh pembaca. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1995:49) dalam gagasan Teori Relevans, iaitu dalam proses penginterpretasian ujaran atau maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit.

Perbincangan Lanjut tentang Pemilihan Leksikal yang Bersifat Ostensif

Perkara selanjutnya yang signifikan untuk dibincangkan ialah pemilihan leksikal **mengalir** dalam bahagian ayat **segala-galanya bermula dan bergerak atas keikhlasan mengalirnya api seni yang masih ghairah**

membakar jiwa anak-anak seni. Dengan berdasarkan penelitian yang dilakukan, penulis didapati memilih leksikal **mengalir** yang merujuk pergerakan cecair, bukannya leksikal **merebak** yang merujuk pergerakan api atas beberapa alasan yang signifikan (*Kamus Dewan*, 2005:36 & 1299). Pertama, penggunaan leksikal **mengalir** memberikan kesan afektif yang lebih halus dan lebih positif terhadap emosi pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana setelah meneliti penggunaan leksikal **mengalir** dalam Korpus DBP (2002) yang menyediakan data yang autentik, terbukti bahawa konteks penggunaannya lebih positif dan bercirikan kehalusan. Empat contoh data daripada Korpus DBP (2002) yang mengandungi leksikal **mengalir** ditunjukkan seperti yang berikut:

- i) Anak2 sungai dan sungai boleh **mengalir** dengan tenang dan memberi faedah melalui kampong2 dalam nya menghala ka-laut.
- ii) Hari itu sehari suntuk Sippit duduk kukuh-kukuh di jemuran melihat keluar melintasi ruang-ruang di angkasa, tebing sungai yang luas **mengalir** dan susunan pokok-pokok sepanjang gigi batas tanah belukar. Terasa benar permohonannya itu akan disempurnakan.
- iii) Sudah lebih satu bulan angin gunung tak sempat mencapai pantai. Baru petang semalam ada **mengalir** nyaman membawa bau wangi dari daratan, tapi hapsus disapu badai sebelum tiba ke laut.
- iv) Jika kaurasa kecewa, pandanglah ke sungai, airnya tetap **mengalir** biarpun sejuta batu menghalang. Jika kaurasa sedih, pandanglah ke langit, kau akan sedar bahawa Allah bersama orang-orang yang sabar. Dia mendongak ke langit.

Oleh itu, analisis ini mendapati bahawa penulis mengambil kira konteks sebelum leksikal **mengalir**, iaitu **segala-galanya bermula dan bergerak atas keikhlasan**. Keikhlasan merupakan nilai yang positif, maka wajarlah leksikal **mengalir** mengikutinya, bukannya leksikal **merebak** yang lebih cenderung digunakan dalam konteks yang negatif.

Kedua, dengan mengambil contoh yang realistik, iaitu air yang mengalir di sungai. Aliran air sungai yang terus-menerus mengalir menunjukkan adanya pergerakan yang berlaku secara berterusan. Pergerakan yang berlaku secara berterusan itu dapat menghubungkan satu kawasan dengan satu kawasan yang lain. Hal ini berkait rapat dengan fungsi sungai itu sendiri yang menjadi jalan perhubungan untuk menghubungkan antara kawasan pedalaman dengan kawasan bandar. Secara tidak langsung, proses penyebaran maklumat, berita, atau

perpindahan sesuatu barang dapat dilakukan melalui air sungai yang mengalir(Biennale,2019). Ternyata,konsep inilah yang cuba digambarkan atau diasosiasikan dalam ungkapan metafora ini, iaitu bagi menyatakan bahawa seni teater yang mempunyai nilai positif ini diwarisi daripada satu generasi (penggiat teater berpengalaman) kepada generasi yang baharu (anak-anak seni teater). Secara tidak langsung, leksikal **mengalir** turut memanifestasikan konsep ilmu dan bakat berteater yang diwarisi itu kerana wujudnya pertalian hubungan darah seni antara penggiat teater berpengalaman dengan anak-anak seni teater yang baharu. Dalam hal ini, darah berbentuk cecair. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa wujud kaitan yang logik antara penggunaan leksikal **mengalir** dan maksud tersirat yang ingin disampaikan itu. Ternyata, proses penginterpretasian maksud metafora yang dilakukan ini membolehkan pelbagai perkara menarik dapat dibincangkan secara komprehensif. Dengan berdasarkan perbincangan yang berkaitan dengan penggunaan simbol dan leksikal yang ostensif dalam pembinaan metafora, dapat disimpulkan bahawa penulis ini yang mewakili topologi Melayu menitikberatkan pemahaman pembaca agar kesan kognitif dapat dicapai secara maksimum. Hal inilah yang ditekankan dalam gagasan Teori Relevans yang melibatkan prinsip relevans komunikatif (Sperber & Wilson, 1995).


Dapatan Utama

Analisis data ini diteruskan lagi dengan membincangkan dapatan utama yang lebih menyerlahkan pendekatan semantik kognitif, iaitu antara aspek yang terdapat dalam gagasan MHB oleh Stöver (2010). Oleh sebab Stöver (2010:212) menekankan bahawa metafora konseptual sudah dapat dibentuk ketika proses simulasi, tetapi pembentukan metafora konseptual tidak jelas dan hanya bersifat skematik, maka dalam makalah ini, pengkaji mengambil pendekatan untuk membentuk metafora konseptual setelah maksud tersirat itu dapat dicungkil (selepas melalui ketiga-tiga proses dalam MPTS). Oleh hal yang demikian, perbincangan tentang skema imej yang mendasari ungkapan bermetafora **segala-galanya bermula dan bergerak atas keikhlasan mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** pula diketengahkan.

Skema imej wajar dibincangkan secara komprehensif kerana menurut Hishamudin Isam (2012:93), kewujudan skema imej dapat menjadi bukti terhadap andaian dan hipotesis bahawa penaakulan abstrak amat berkait dengan pengalaman sensori dan projeksi metaforikal daripada

domain konkret kepada domain abstrak. Jelasnya lagi, gabungan persepsi pengalaman deria (pengalaman gestalt) yang melibatkan pengalaman deria visual (pandangan), auditori (bunyi), haptik (sentuh), motorik (gerakan), olfaktori (bau) dan gustatori (rasa) menghasilkan skema imej yang berfungsi sebagai suatu bentuk struktur konsepsi yang penting. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat dua skema imej yang mendasari ungkapan bermetafora tersebut, iaitu skema imej LALUAN dan skema imej OBJEK. Namun begitu, hanya satu skema imej yang lebih dominan dikupas dengan terperinci bagi data ini, iaitu skema imej LALUAN.


Terdapat beberapa leksikal dalam ungkapan bermetafora ini yang menonjolkan ciri skema imej LALUAN dengan jelasnya, iaitu leksikal **bermula**, **bergerak** dan **mengalir**. Leksikal ini menunjukkan bahawa adanya titik mula dan aliran pergerakan. Matlamatnya pula ialah **membakar jiwa anak-anak seni**. Gambaran pergerakan skema imej LALUAN ini ditunjukkan dalam Rajah 6.



Rajah 6 Skema imej LALUAN.

Rajah 6 merupakan adaptasi daripada rajah yang dicadangkan oleh Johnson (1987). Dalam rajah tersebut, dapat diperhatikan bahawa titik mula ialah keikhlasan penggiat seni berpengalaman, manakala titik akhir ialah jiwa anak-anak seni. Dengan berbekalkan keikhlasan penggiat seni berpengalaman, seni teater itu dapat diwariskan kepada anak-anak seni muda yang mempunyai semangat terhadap seni teater. LALUAN itu diprojeksikan melalui leksikal **mengalir** yang menunjukkan pergerakan dari titik mula ke titik akhir. Laluan yang dilalui untuk mewariskan seni teater itu pastinya mempunyai cabaran tertentu dan tidak semestinya lurus seperti yang digambarkan dalam Rajah 6. Bagi memperlihatkan

perkaitan yang wujud antara ungkapan bermetafora **segala-galanya bermula dan bergerak atas keikhlasan mengalirnya api seni yang masih ghairah membakar jiwa anak-anak seni** dengan skema imej LALUAN yang mendasarinya, pemetaan skema imej ditunjukkan dalam Rajah 7.



Rajah 7 Pemetaan dua domain bagi mengalirnya api seni.

Domain sumber dalam data ini ialah **mengalir api seni** yang disasarkan kepada domain sasaran, iaitu KESENIAN. Dalam pemetaan domain, setiap struktur yang berkaitan antara setiap elemen perlu diprojeksikan untuk menghasilkan inferens, sekali gus membentuk metafora konseptual (Tendahl, 2008). Metafora konseptual yang terhasil daripada pemetaan domain ini ialah KESENIAN IALAH LALUAN PENGHUBUNG. Menurut Stöver (2010), pembentukan metafora konseptual menggambarkan corak kognitif pembaca yang memproses maklumat di sekitarannya. Ternyata, metafora konseptual yang terhasil ini adalah relevan dengan persekitaran kognitif pembaca kerana kesenian yang melibatkan bakat halus yang dimiliki oleh sesetengah individu memang dapat diwariskan daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Mohammad Haris Abd Azis, 2021). Contohnya, persembahan seni tari Makyung yang merangkumi kombinasi unsur tarian, muzik, drama dan komedi kekal hingga hari ini kerana adanya ilmu yang diwariskan kepada generasi baharu oleh generasi terdahulu.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis yang dilakukan ini, pemikiran penutur Melayu yang sangat kreatif dan kritis dapat dimanifestasikan berdasarkan pengaplikasian teori yang saintifik,

inklusif dan bermodular. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis ini jelas mewajarkan setiap penggunaan simbol dan pemilihan leksikal dalam penulisannya dengan jitunya bagi memastikan pembaca menyedari dan menghayati kesinambungannya, sekali gus dapat mencungkil maksud tersirat itu dengan lebih mudah. Aspek inilah yang menjadi gagasan utama dalam Teori Relevans. Selain itu, analisis data ini juga dapat menjelaskan konsep skema imej LALUAN sebagaimana yang diperkenalkan oleh Johnson (1987) yang mendasari pembentukan metafora ini. Jelaslah bahawa pembentukan makna secara abstrak dan konseptual melalui proses akal atau intelek dan rasionalisme berdasarkan pengalaman atau pemerhatian empiris dapat dicungkil secara komprehensif (Hassan Ahmad, 2003:187).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kupasan tentang MHB dengan memfokuskan pengoperasian MPTS memperlihatkan keupayaan teori ini sebagai satu mekanisme penginterpretasian metafora yang bersifat inklusif. Menerusi makalah ini, diharapkan agar matlamat untuk menjelaskan dan memahamkan gagasan teori ini yang lebih bersistematis dan menjelaskan kaedah penginterpretasian data metafora menggunakan MPTS dapat dicapai. Contoh analisis data metafora ini juga dapat membuktikan bahawa dengan memanfaatkan kelebihan yang terdapat dalam kedua-dua pendekatan, iaitu linguistik kognitif dan pragmatik, proses pemahaman metafora menjadi lebih empiris. Selain itu, pengaplikasian prosedur ini juga mencerminkan corak pemikiran penulis Melayu ketika berfikir, menaakul dan mencerap simbol yang ostensif untuk diabstrakkan dalam pembinaan metafora. Oleh itu, kajian linguistik yang melibatkan penginterpretasian makna implisit dengan menerapkan MHB, khususnya MPTS oleh Stöver (2010), perlu disebarluaskan dan dikembangkan lagi kerana teori yang bermodular dan bersifat inklusif ini mempunyai kekuatan yang perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin yang perlu difahami perbezaannya dengan gagasan Tendahl (2009). Penjelasan yang dilakukan dalam makalah ini juga dapat dijadikan panduan oleh pengkaji akan datang. Dalam hal ini, semua proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses pentaabiran yang mempunyai peranan yang jelas perlu difahami dengan betulnya mengikut gagasan sumber primer bagi memastikan kesahan maklumat dapat dipelihara.

NOR HAFUZA MUHAMMAD ARIF,
HASMIDAR HASSAN DAN MAIZURA OSMAN

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN

Nor Hafuza Muhammad Arif: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis statistik, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir; Hasmidar Hassan: Konsep dan reka bentuk kajian, penginterpretasian hasil, semakan, pengesahan makalah akhir; Maizura Osman: Semakan, pengesahan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Anida Sarudin & Parameswary Shanmugam. (2023). Operasi metafora nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 33–64. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no2)
- Aristotle. (1992). *The art of rhetoric*. Harper Press.
- Asmah Haji Omar. (2021). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barsalou, L. W. (1999). Perceptual symbol systems. *Behavioral and Brain Sciences*, 22, 577–660.

- Biennale, M. (2019). *Sungai*. <https://www.facebook.com/makassarbiennale/videos/sungai-sebagai-penghubung-antara-hulu-dan-hilir-sekaligus-menunjukkan-komitmen-m/2453717004850402/>
- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Blackwell Publishing.
- Eisner, E. W. (1991). *The enlightened eye: Qualitative inquiry and the enhancement of educational practice*. Macmillan.
- Gibbs, R. W. (1999). Taking metaphor out of heads and putting it into the cultural world. Dlm. R. W. Gibbs, & G. J. Steen (Eds.), *Metaphor in cognitive linguistics* (146–166). John Benjamins. <https://doi.org/10.1075/cilt.175.09gib>
- Hashim Awang. (1998). *Budaya & kebudayaan: Teori, isu dan persoalan*. Citra Budaya.
- Hasmidar Hassan. (2006). *Kata hubung DAN dan TETAPI: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmidar Hassan. (2023). Kajian linguistik bahasa Melayu bersumberkan korpus. Kekuatan dan kelemahannya. *Jurnal Pendeta*, 14(1). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.2.2023>, <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/8082>
- Hassan Ahmad. (2003). *Metasora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu (pesan terakhir pejuang bahasa)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. (2009). Manifestasi nilai setia berdasarkan Teori Hibrid. *Jurnal Bahasa*, 9(1), 19–39. <https://jurnalbahasa.wordpress.com/2009/11/19/jurnal-bahasa-jilid-9-bil-1-jun-2009/>
- Hishamudin Isam. (2012). *Manifestasi leksis setia dari perspektif linguistik kognitif* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho-Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2005). Pengkonsepsian dan pemetaforaan ‘hati’. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 1–36.
- Johnson, M. (1987). *The body in the mind: The bodily basis of meaning, imagination and reason*. The University of Chicago Press.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1977). *Semantic theory*. Cambridge University Press.
- Kesedaran bahaya kebakaran: Pembelajaran kadet bomba dan penyelamat. (2021). Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. https://www.bomba.gov.my/wp-content/uploads/2021/07/BAB_4_KESEDARAN_BAHAYA_KEBAKARAN.pdf
- Korpus DBP. (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://sbmp.dbp.gov.my/korpusdbp/>

NOR HAFUZA MUHAMMAD ARIF,
HASMIDAR HASSAN DAN MAIZURA OSMAN

- Kövecses, Z. (2002). *Metaphor: A practical introduction*. Oxford University Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphor we live by*. University of Chicago Press.
- Levinson, S. C. (1985). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Minikeeva, A. A., Sadykova, A. G., & Med, N. G. (2020). Cognitive linguistic approach to the integrated theory of metaphor. *Jurnal Artículos*, 25(7), 243–249. <https://doi.org/10.5281/zenodo.4009702>
- Mohammad Haris Abd Azis. (2021, 2 April). *Seni dan budaya tradisi perlu anjakan paradigma*. <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937>
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2016). Metafora adat dalam pantun Melayu. https://www.researchgate.net/profile/Muhamad-Zaini/publication/302583501_Metafora_ADAT_Dalam_Pantun_Melayu_Analisis_Teori_Hibrid/links/573194eb08ae6cca19a27794/Metafora-ADAT-Dalam-Pantun-Melayu-Analisis-Teori-Hibrid.pdf
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2004). Masa dan masyarakat Melayu: Peradaban berterusan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 4(2). <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8553>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Nazirah Jaafar. (2016) *Metafora dalam kartun editorial Senyum Kambing: Analisis Teori Hibrid* [Projek ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi MARA.
- Nur Faizzah Mohd Zalkanil. (2016). *Metafora hati dalam korpus tradisional dan korpus kontemporari: Satu analisis Teori Hibrid* [Projek ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi MARA.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora kasih dalam teks Melayu tradisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 17(1). <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/89>
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Metaphor of amok in traditional Malay text corpora: An analysis using the Hybrid Theory*. International Conference on Knowledge-Innovation-Excellence: Synergy Language Research and Practice.
- Rozaimah Rashidin, Nor Ummumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no5).
- Rozaimah Rashidin. (2016). *Metafora emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu: Analisis Teori Hibrid* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Soenjono, D. (2007). *Psikolinguistik: Memahami asas pemerolehan bahasa*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). Inference and implicature. Dlm. T. Charles (Ed.), *Meaning and interpretation* (245–256). Basil Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognitive* (edisi ke-2). Wiley-Blackwell.
- Stefanowitsch, A. (2006). Corpus-based approaches to metaphor and metonymy. Dlm. A. Stefanowitsch & S. T. Gries (Eds.), *Corpus-based approaches to metaphor and Metonymy* (1–16). Mouton de Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783110199895>
- Stöver, H. (2010). *Metaphor and Relevance Theory: A New Hybrid Model* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan, University of Bedfordshire]. University of Bedfordshire Repository.
- Tenas Effendy. (2008). Kearifan orang Melayu berbahasa. *Syarahan Raja Ali Haji*. Persatuan Linguistik Malaysia.
- Tendahl, M. (2008). *A Hybrid Theory of metaphors: Relevance Theory and cognitive linguistic* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti of Dortmund.
- Tendahl, M. (2009). *A Hybrid Theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. Palgrave Macmillan.
- Tendahl, M., & Gibbs, R. W. (2008). Complementary perspectives on metaphor: Cognitive linguistics and Relevance Theory. *Journal of Pragmatics*, 40(11), 1823–1864. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2008.02.001>